

07/12/1998

Kedah mahu Langkawi jadi lokasi siri GP 1999

LANGKAWI, Ahad - Kerajaan Kedah mencadangkan supaya pulau legenda ini dipilih sekali lagi sebagai satu daripada lokasi siri Grand Prix (GP) Joran yang tarikhnya ditetapkan pada 28 dan 29 Ogos tahun depan.

Hasrat itu dinyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Rekreasi dan Sukan negeri, Abdul Rahman Ariffin, berdasarkan kejayaan pusingan akhir pertandingan itu yang berlangsung di Hotel Awana Porto Malai, di sini hari ini.

Menurutnya, cadangan itu selaras saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu pelbagai pihak menganjurkan kegiatan positif kepada rakyat dan negara.

Beliau berkata, pelepasan peserta GP Joran oleh Perdana Menteri semalam membuktikan beliau mengiktiraf pertandingan anjuran Berita Harian itu, sekali gus memberi semangat baru kepada kegiatan memancing.

"Hanya dengan menawarkan hadiah lumayan, ia tidak cukup untuk memikat pengunjung untuk datang ke Langkawi dan menyertai sebarang program yang diatur.

"Sebaliknya, selain terpaksa berbelanja besar, program yang disusun dengan baik dan dengan pengurusan yang cekap sahaja dapat menjayakan matlamat itu," katanya ketika merasmikan acara penutup GP Joran di Awana Porto Malai, di sini.

Hadir sama, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib; Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Pembangunan Koperasi, Hassan Bulat; Ahli Parlimen Sipitang yang juga Pengerusi Eksekutif UFL, Datuk Dr Yusof Yaakub dan Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Ahmad Rejal Arbee.

Abdul Rahman gembira dengan usaha unit GP Joran kerana dapat menarik ramai pemancing dari luar Kedah untuk mengenali Langkawi dengan lebih dekat, khususnya perairannya yang kaya pelbagai spesies hidupan marin.

Menurutnya, kerajaan Kedah juga menyediakan pelbagai program untuk menarik lebih ramai pelancong ke sini, khususnya pada penghujung tahun.

Program yang sedang berlangsung termasuk Karnival Udara Langkawi, Jualan Langkawi, Pesta Perancis, Pengalaman Hidup Bersama 150 Ular Berbisa Selama 27 Hari di Legenda Langkawi Dalam Taman dan Karnival Sukan Pantai pada 17 dan 18 Disember ini.

Beliau berkata, jika Terengganu memperkenalkan pakej pelancongan dengan tema 'Senyum Sokmo', Kerajaan Kedah pula menyediakan tema khas berjudul 'Jom Pi Kedah' untuk meningkatkan sektor pelancongan di negeri ini.

Terdahulu, Ahmad Rejal dalam ucapannya berkata, sebagai menyahut saranan Perdana Menteri, Unit Joran akan meneruskan pertandingan GP Joran pada masa depan, di samping memperkenalkan lokasi memancing menarik di seluruh negara.

"Pertandingan kali ini mencatat sejarah apabila Perdana Menteri sudi menyempurnakan upacara pelepasan peserta bagi kategori laut dalam, semalam.

"Ini adalah satu penghormatan kepada unit Joran dan memberi semangat baru untuk meneruskan kegiatan memancing pada masa depan," katanya.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Kedah serta agensinya di samping penaja yang terbabit kerana memberi kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan pusingan akhir GP Joran di sini.

Tanpa sokongan mereka, katanya, pertandingan semeriah itu mungkin tidak akan dapat diadakan.

(END)